

09 NOV 1998

ABRAR GROUP MENGUTUK AKTIVITI RAHIM GHOUSE

KUALA LUMPUR, 9 Nov (Bernama) -- Abrar Group International Sdn Bhd hari ini mengutuk aktiviti bekas pengarah eksekutifnya Dr Abdul Rahim Ghouse, yang mengutuk pucuk pimpinan negara.

"Tindakan itu bercanggah dengan dasar syarikat itu dan kami tidak terlibat dengannya," kata Dr Wan Muhamad Hasni Wan Sulaiman yang merupakan pengerusi eksekutif dan ketua pegawai eksekutif Abrar Group International.

Dalam satu kenyataan hari ini, beliau berkata Abdul Rahim telah meletakkan semua jawatan dalam Abrar Group pada 18 Sept lepas dan sebarang tindakannya tidak berkaitan dengan syarikat itu.

Dr Wan Muhamad Hasni berkata, kumpulan itu tidak terbabit ataupun menghulurkan sokongan kepada gerakan reformasi yang dianjurkan oleh penyokong-penyokong bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata, rakyat Malaysia perlu memberikan sokongan tidak berbelah bahagi mereka kepada kerajaan dan kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Abdul Rahim yang kini dipercayai berada di Filipina telah membuat kenyataan-kenyataan mencemuh pemimpin-pemimpin dan negara dari situ selepas pihak berkuasa bertindak terhadap para penyokong Anwar yang menggugat ketenteraman awam.

-- BERNAMA

MAM PR